



27 DEC, 2024

Kekal tarif elektrik hijau lindungi rakyat, elak beban kos tambahan

Berita Harian, Malaysia



Minda Pengarang

Kekal tarif elektrik hijau lindungi rakyat, elak beban kos tambahan

Seiring dengan aspirasi untuk menjadi hab pelaburan hijau dan menjadi negara pemacu pembangunan mapan melalui inisiatif baharu, Malaysia menggariskan pelbagai pelan serta dasar menyeluruh yang selari dengan matlamat pengurusan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) lestari.

Antaranya termasuk Program Tarif Elektrik Hijau (GET) inisiatif strategik kerajaan menawarkan bekalan elektrik dijana daripada sumber tenaga boleh diperbaharui (TBB) kepada pengguna elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berhasrat mengurangkan jejak karbon.

Maka, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) semalam mengumumkan bakal meneruskan GET bagi 2025, kekal pada kadar 10 sen/kWj untuk pengguna kediaman dan bukan kediaman voltan rendah, berserta penambahbaikan iaitu pembukaan langganan jangka panjang membolehkan pengguna membuat langganan sehingga 2027.

Berdasarkan keputusan PETRA ini, ia akan memberikan kestabilan kos tenaga kepada pengguna kerana dengan kadar premium GET kekal 10 sen/kWj, pengguna kediaman dan bukan kediaman voltan rendah akan menikmati kestabilan dalam kos penggunaan elektrik.

Keputusan ini membantu pengguna merancang perbelanjaan dengan lebih baik, tanpa perlu bimbang terhadap perubahan mendadak dalam kadar elektrik. Kestabilan ini sangat penting bagi pengguna mempunyai penggunaan elektrik tinggi, seperti kediaman besar berserta penghuni ramai atau perniagaan kecil.

Bagi sektor perniagaan, terutama bagi mereka beroperasi di bawah voltan rendah, kadar premium yang kekal dapat membantu mereka mengurangkan kos operasi dengan lebih efisien. Perniagaan tidak perlu risau dengan perubahan mendadak pada tarif yang mungkin memberi impak kepada kos perbelanjaan atau harga jualan produk dan perkhidmatan.

Ini akan memberi lebih banyak ruang untuk mereka membuat pelaburan dalam peralatan cekap tenaga bagi mengurangkan penggunaan elektrik. Pada masa sama, ia menggalakkan pengguna meningkatkan kecekapan tenaga mereka. Dengan tarif yang stabil, pengguna lebih cenderung melabur dalam peralatan lebih cekap tenaga dan amalan penggunaan tenaga lebih bijak.

Kecekapan tenaga ini bukan sahaja membantu mereka mengurangkan bil elektrik, tetapi membantu negara mengurangkan beban penggunaan tenaga secara keseluruhan.

Seperti diketahui, tarif elektrik mungkin mengalami peningkatan akibat kenaikan kos bahan bakar atau faktor lain, maka keputusan mengekalkan kadar premium GET akan meringankan beban kewangan dihadapi pengguna. Ini adalah langkah proaktif memastikan pengguna tidak dibebani dengan kos tambahan boleh menjelaskan kewangan mereka.

Mengekalkan kadar premium pada 10 sen/kWj juga memberi ruang kepada pengguna berfikir mengenai penggunaan tenaga cekap dan mapan. Bermakna, pengguna akan lebih cenderung menilai penggunaan tenaga mereka secara kritikal dan mencari alternatif lebih mesra alam, seperti penggunaan tenaga solar atau produk lebih cekap tenaga.

Keputusan PETRA ini juga menunjukkan komitmen kerajaan memastikan kestabilan ekonomi tenaga dan mendorong penggunaan tenaga lebih efisien dalam kalangan rakyat. Ia menunjukkan komitmen terhadap strategi jangka panjang dalam membangunkan sektor tenaga negara mapan.